

Gaji Kecil Hidup Mewah Boleh Disiasat



"Hidup mewah walau hanya bergaji kecil. Malah ada yang cara hidup 'ala orang kaya' dengan bangganya berkongsi menerusi laman sosial peribadi masing-masing, sehingga mendatangkan tanda tanya tentang sumber kekayaan mereka". Ada kemungkinan mereka menggunakan kuasa yang ada sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan untuk menerima dan mengambil rasuah. Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mana pegawai atau kakitangan yang berada dalam kategori ini **akan berada dalam radar (SPRM)**.

YBhg. Datuk KSU MITI juga melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) MITI Bil. 3/2021 menyeru kepada semua Ketua Agensi, Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian supaya mengambil inisiatif dalam memantau gaya hidup kakitangan bawahan. Ini penting bagi mengelakkan terdapatnya pegawai atau kakitangan yang hidup mewah tetapi tidak setara dengan gaji atau pendapatan yang diperoleh.

Sehubungan dengan ini, Unit Integriti ingin mengingatkan sekali lagi kepada warga MATRADE, sekiranya tuan/puan bercadang untuk melakukan pekerjaan luar hendaklah dengan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan dengan mematuhi pekeliling yang telah dikuatkuasakan. Ini juga adalah salah satu kaedah pemantauan dibuat bagi membendung perkara seperti ini dari berlaku.

Maklumat lanjut berkenaan Pekeliling Dalaman Integriti Bilangan 2 Tahun 2019 (Garis Panduan Pengurusan Kerja Luar MATRADE) boleh klik di pautan ini:

<https://bubble.matrade.gov.my/index.php/s/4ZqCJFK5cnLmT27>

Contoh-Contoh Pekerjaan Luar



Can You Make Money With Young Living



Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai/kakitangan yang melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran atau telah melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan

#integriti9/2022

#jangankatasayataktahu